

04/08/1997

Kenaikan pangkat pegawai perubatan diluluskan

GEORGETOWN, Ahad - Kementerian Kesihatan yakin permohonan untuk melaksanakan sistem kenaikan pangkat pegawai perubatan di hospital kerajaan akan diluluskan.

Menterinya, Datuk Chua Jui Meng, berkata permohonan pihaknya membabitkan antara 5,000 hingga 6,000 doktor yang berkhidmat di hospital kerajaan di seluruh negara.

Katanya, kertas cadangan berhubung perkara itu dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hampir setahun lalu.

"Kami masih menunggu keputusan jawatankuasa mengenai gaji kakitangan perkhidmatan awam yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya hari ini.

(END)